

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :

- a) **Adakah objektif penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak 11 tahun lalu lebih berkesan untuk meningkatkan jati diri dan sifat nasionalisme dalam kalangan anak muda berbanding program Rakan Muda ; dan**

- b) **Apakah benar dana peruntukan yang telah digunakan oleh PLKN sejak dilancarkan melebihi dana peruntukan Program Rakan Muda.**

JAWAPAN:

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengadakan kajian keberkesanan Program Latihan Khidmat Latihan Negara pada tahun 2010 melibatkan 61,950 orang responden. Tujuan kajian ialah bagi mengenalpasti pencapaian semangat kesukarelaan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri. Hasil kajian menunjukkan lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih. Kajian Persepsi Pelatih yang dilaksanakan pada setiap sesi latihan juga mendapati bahawa PLKN berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, PLKN perlu diteruskan bagi menyemai semangat patriotisme dan perpaduankaun di kalangan remaja di negara ini.

Selain itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas Pelatih PLKN negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Kajian yang melibatkan 3,787 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin masyarakat dan pelaksana PLKN telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek

yang dinilai khususnya berkaitan patriotisme dengan menghadiri PLKN.

PLKN telah disusun dan dibangun dengan begitu teliti untuk kumpulan sasar antara 18 tahun hingga 35 tahun dengan tempoh latihan selama 3 bulan. Justeru itu pendekatan PLKN adalah sesuatu yang berbeza dan unik jika dibandingkan program rakan muda yang hanya dikhususkan dalam tempoh yang singkat.

Semenjak pelaksanaan PLKN. JLKN hanya berbelanja menggunakan peruntukan di bawah Belanja Mengurus yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada setiap tahun. JLKN juga tidak membuat perbandingan peruntukan dengan agensi lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO'KAMARUL BAHARIN BIN
DARIPADA ABBAS
[TELUK KEMANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Teluk Kemang] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) setakat mana usaha-usaha Kementerian untuk membina sekolah etnik dan vokasional bagi mengatasi masalah keciciran pendidikan dan pengangguran di kalangan anak muda; dan
- b) jumlah sekolah sedia ada dan yang dalam rancangan pembinaan mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Pada dasarnya, perancangan sesebuah sekolah tidak mengikut etnik atau kaum masing-masing. Pembinaan sekolah adalah untuk semua kaum termasuk pembinaan Kolej Vokasional (KV). Bagi mengatasi masalah keciciran pendidikan dan pengangguran, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi Pendidikan Vokasional dan memperluas mata pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di sekolah menengah harian biasa di bandar dan di luar bandar mengikut keperluan sumber manusia komuniti setempat.

- b) Sehingga kini terdapat 79 buah KV. Manakala 6 buah KV masih dalam pembinaan yang dijangka beroperasi mulai tahun 2016 iaitu KV Pasir Gudang, KV Tanjung Piai, KV Pagoh, KV Pasir Puteh, KV Kuala Berang dan KV Pekan. Berdasarkan perancangan, KPM akan membina 5 buah KV baharu iaitu KV Lebu Cator, Perak, KV Sandakan, Sabah, KV Dengkil, Selangor, KV Gurun, Kedah dan KV Bao (Telaga Biru), Sarawak.